



Anwar melancarkan Pelan Tindakan Malaysia Bagi Mencegah Dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan sambil diperhatikan Saifuddin (dua dari kiri) dan Shamsul Anuar (kiri) di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

# Akta khusus perlu cegah doktrin taksub melampau

**Penguatkuasaan undang-undang bukan bertujuan sekat hak rakyat**

**Oleh Mohd Nasaruddin Parzi**  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Wujud keperluan kepada negara ini untuk memiliki undang-undang keselamatan yang khusus bagi menangani dan mencegah pelampau keganasan akibat pengaruh luar, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, penguatkuasaan undang-undang sedemikian bukan bertujuan menyekat hak dan kebebasan rakyat, sebaliknya penting untuk mencegah doktrin ketaksuiban yang melampau.

“Sebab itu, saya rasa kalau ada keperluan mengenai akta keselamatan negara yang menjurus khusus kepada usaha menjamin keselamatan dalam negeri daripada unsur dan pengaruh luar.

“Saya serah kebijaksanaan polis dan tentera serta agensi penguatkuasaan lain, jika ada elemen yang perlu dimasukkan, belum cukup kuat dalam undang-undang negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pe-

luncuran Pelan Tindakan Malaysia Bagi Mencegah Dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (MyPCVE) di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Timbalannya, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah.

MyPCVE adalah bagi memenuhi saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mencadangkan semua negara anggotanya mempunyai pelan tindakan sendiri bagi mencegah dan menangani fahaman pelampau keganasan.

Ia mengandungi empat teras menggunakan pendekatan bersepadu yang menggabungkan ‘soft approach’ dan ‘hard approach’ iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan serta pengukuhan.

## **Fokus jamin keselamatan**

Mengulas lanjut, Anwar berkata, undang-undang sedemikian tentunya akan disergah atau ditentang sesetengah pihak, namun keutamaan kerajaan pada waktu ini adalah menjamin keselamatan rakyat dan negara.

“Kita akan pertahankan (undang-undang seperti ini) sebab kita mahu negara ini lebih matang sebagai satu demokrasi. Satu hal yang tak boleh kita terima adalah mengizinkan negara menjadi medan dan gelanggang bagi puak yang melampau.

“Sebab itu (contohnya) hubungan kita dengan Hamas pun kita bezakan. Kita cuba sebagai negara kecil (dan) membangun untuk menjalin hubungan antarabangsa dengan semua.

“Kita cuba elak terlibat dalam mana-mana perseteruan yang melibatkan senjata,” katanya sambil menjelaskan pengenalan MyPCVE juga tidak mengandungi sebarang agenda politik kepartian.

Anwar berkata, Malaysia yang bakal mempengerusikan ASEAN tahun depan akan menerajui usaha membentuk kerjasama lebih kukuh dalam kalangan negara anggota itu, khusus bagi menangani kumpulan pelampau dan keganasan.

Katanya, rakyat perlu didekahkan mengenai betapa perlunya negara memiliki undang-undang keselamatan khusus yang matlamatnya bukan untuk mengekang kebebasan, tapi melarang mereka ke arah tindak tanduk keganasan.

“Kalau kita tunggu dan biarkan ia meluas, sehingga ia sudah sebati dengan kefahamannya. Cawangan Khas (Polis Diraja Malaysia (PDRM) faham susah pulihkan mereka yang sudah taksub ini.

“Jadi untuk membersihkan semula fahaman itu, akan ambil masa. Jadi, wajar dipantau supaya ia tidak menjadi penyakit yang menular dalam negara kita,” katanya.